



## 01

### SIFAT UMAT TERDAHULU

Generasi terdahulu memiliki sifat sanggup mendahulukan kepentingan orang lain sebelum diri sendiri. Sedangkan umat kini memiliki sifat buat apa pun adalah untuk diri sendiri terlebih dahulu dan mahu keuntungan peribadi.



## 02

### PENDAPAT YANG BERBEZA

Perbezaan pendapat menjadi rahmat untuk umat terdahulu kerana dengan perbezaan pandangan itu mereka boleh memilih mana pandangan yang lebih sesuai dengan mereka. Sedang perbezaan pendapat untuk umat hari ini adalah satu azab kerana masing-masing pihak tidak berlapang dada dan menganggapkan khilaf adalah sebagai senjata menghina pihak lain.



## 03

### PENCIPTA DAN PENGGUNA

Umat Islam terdahulu berlumba mencari cara bagaimana untuk menyumbang bagi menguatkan Islam. Timbullah para pencipta muslim yang hebat hinggalah Tamadun Islam dipakai oleh orang lain. Sedangkan kita kini asyik berharap ciptaan dan bantuan orang untuk kita.



## 04

### PERPECAHAN

Umat terdahulu mencari jalan menutup segala perpecahan bahkan perpecahan dianggap lebih besar dari dosa-dosa lain. Umat kini merasakan perpecahan itu satu nikmat. Dapat mengalahkan pihak muslim yang lain dianggap jihad.



## 05

### PENGUASAAN

Umat terdahulu tidak rela duduk di bawah sesiapa pun kecuali Islam. Umat hari ini tidak kisah siapa yang menguasai mereka. Tidak kisah sama ada kita menguasai atau dikuasai.

## PENGAJARAN

### 5

Ayuh betulkan 5 perkara ini.



Jangan biarkan Islam dikuasai.



Tugas kita letakkan Islam supaya tinggi semula.

وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

“Dan kamu adalah orang yang tertinggi jika kamu beriman”

(Al-i'Imran : 139)